

DEB bukan dasar tetap – PM

KUALA LUMPUR 17 Feb. – Pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) bertujuan untuk mengatasi ketidakseimbangan ekonomi antara kaum di negara ini dan ia bukan merupakan dasar tetap dalam dasar ekonomi Malaysia, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Menurut beliau, dasar itu akan dihentikan selepas negara mencapai objektifnya.

“Apabila objektifnya dicapai tiada sebab untuk meneruskan dasar itu kerana dasar itu dilaksanakan untuk mencapai objektif berkenaan, dan lebih cepat objektif itu dicapai, lebih cepat kita boleh hentikannya,” katanya dalam temubual dengan saluran berita kabel *Al-Jazeera*.

DEB yang diperkenalkan pada 1970-an berobjektif untuk mengatasi ketidakseimbangan ekonomi antara kaum dan untuk merapatkan jurang ekonomi antara kaum pribumi dan bukan pribumi serta Malaysia menyasarkan untuk mencapainya sebelum 2020.

Mengakui wawasan itu bukan mudah untuk dicapai, Perdana Menteri berkata, ini bermatlamatnya dalam memastikan kaum pribumi yang sebelum ini hanya memiliki dua peratus pegangan ekonomi, dapat memiliki 30 peratus pegangan ekonomi negara.

← **Apabila objektifnya dicapai tiada sebab untuk meneruskan dasar itu kerana dasar itu dilaksanakan untuk mencapai objektif berkenaan, dan lebih cepat objektif itu dicapai, lebih cepat kita boleh hentikannya**

– Abdullah Ahmad Badawi

“Pada masa yang sama juga mesti mewujudkan keadaan di mana kaum pribumi juga boleh terlibat secara aktif dalam perniagaan dan industri, ia bukannya mudah,” katanya kepada beberapa soalan yang diajukan oleh hos Teymoor Nibili dalam temu bual selama 25 minit itu.

Sementara itu menjawab satu lagi soalan dalam temubual tersebut, Abdullah berkata, Israel perlu mengiktiraf kerajaan Palestin pimpinan Hamas kerana ia mewakili penduduk Palestin, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini.

Beliau berkata, Hamas patut diberikan peluang untuk mentadbir Palestin kerana ‘sebuah kumpulan yang pernah terbabit dalam aktiviti yang dianggap sebagai keganasan, tetapi apabila mereka diberikan kuasa untuk mentadbir, mereka biasanya

berubah’.

Abdullah yang juga pengerusi Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) berkata, beliau telah memaklumkan kepada Presiden Amerika Syarikat (AS) George W. Bush (semasa perjumpaan antara kedua-dua pemimpin lebih dua bulan lepas) bahawa apabila Hamas dipilih untuk menubuhkan kerajaan Palestin, beliau tidak sepatutnya ‘terus mengutuknya seperti mana yang beliau telah lakukan’.

Perdana Menteri juga berharap Kerajaan Perpaduan Kebangsaan di Palestin akan berjaya, tetapi mengakui laluan itu bukan mudah.

Mengenai peranan AS di Palestin, Abdullah berkata, kuasa besar itu sepatutnya terlebih dahulu memberi peluang kepada kerajaan baru itu untuk mentadbir negara.

“Mereka (Hamas) tahu semua masalah, mereka bukannya bodoh, mereka tahu sejarah negara mereka, mereka tahu mereka berdepan dengan apa, jadi adalah penting kerajaan diberikan peluang untuk menyelesaikannya. Jika mereka mahu dilibatkan, sudah tentu kerajaan mahu bercakap dengan kerajaan, ia sesuatu yang baik. Saya sentiasa percaya dalam penglibatan bukan pengawalan,” katanya.

Abdullah juga berkata, pencerobohan Amerika Syarikat (AS) dan sekutunya di Iraq mesti ditamatkan dan penduduk negara yang musnah akibat perang itu perlu dibenarkan mentadbir negara mereka.

“Saya sentiasa berpendapat bahawa pada masa itu Amerika (AS dan sekutunya) patut berundur dan biarkan penduduk Iraq menyelesaikan masalah mereka kerana secara tidak langsung saya percaya kehadiran pasukan tentera Amerika Syarikat telah memberikan alasan, mungkin kepada kumpulan tertentu untuk terus berkelakuan atau melakukan keganasan seperti yang mereka lakukan,” katanya.

Beliau percaya masyarakat antarabangsa patut memujuk penduduk Iraq supaya berusaha mengurangkan konflik fahaman di negara itu.